

Inflasi Julai catat kadar terendah 2 peratus tahun ini

Kadar mengecil antaranya akibat kenaikan harga makanan, minuman bukan beralkohol

Oleh Alzahrin Alias
zahrin@bh.com.my

Kadar inflasi Malaysia yang diukur daripada Indeks Harga Pengguna (IHP) mengecil ketara pada Julai iaitu 2 peratus, kadar teren-

dahnya pada tahun ini.

Kadar inflasi lebih perlahan itu berikutan peningkatan kecil harga makanan dan minuman bukan beralkohol serta restoran dan hotel, demikian mengikut Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM).

Mata indeks turut merekodkan kadar 130.5 berbanding 127.9 bulan sama tahun lalu.

Ketua Perangkawan Malaysia, Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin, berkata ia diikuti kumpulan pelbagai barangan dan perkhidmatan (2.6 peratus), manakala kedua-dua kumpulan kesihatan dan pendidikan masing-masing meningkat 2 peratus.

Komponen makanan di rumah turut rendah untuk lima bulan

berturut-turut kepada 3 peratus pada Julai lalu berbanding 3.2 peratus direkodkan bulan sebelumnya.

Ia katanya, didorong terutama oleh subkumpulan daging (5.5 peratus), beras, roti dan bijirin lain (4.5 peratus), susu, keju dan telur (4.3 peratus) serta gula, jem, madu, coklat dan manisan (3.5 peratus).

"Apa yang menarik dalam IHP pada tempoh dikaji adalah inflasi pengangkutan menunjukkan penurunan buat kali pertama sejak Mac 2021 pada kadar -0.4 peratus.

"Ini disumbangkan terutama oleh penurunan subkumpulan pengurusan alat pengangkutan persendirian (-0.8 peratus).

"Dalam subkumpulan ini, mi-

nyak petrol tanpa plumbum RON97 mencatatkan penurunan 28.8 peratus pada Julai 2023 (RM3.37 seliter) berbanding Julai 2022 (RM4.73 seliter)," katanya dalam laporan Indeks Harga Pengguna Julai 2023, semalam.

Inflasi Labuan terendah

Mengulas lanjut, Uzir berkata, sembilan negeri merekodkan kadar di bawah paras nasional 2 peratus dengan Labuan paling rendah sebanyak 1.1 peratus pada Julai 2023.

Beliau berkata, enam negeri lain pula merekodkan peningkatan melebihi paras inflasi nasional iaitu Pahang (2.6 peratus), Sarawak (2.6 peratus), Putrajaya (2.6 peratus), Perak (2.4 peratus), Selangor (2.4

peratus) dan Melaka (2.2 peratus).

Inflasi makanan dan minuman bukan alkohol bagi semua negeri katanya, mencatatkan peningkatan dengan Putrajaya (6 peratus), Selangor (5.6 peratus), Sarawak (5.5 peratus), Pahang (4.8 peratus), Perak (4.5 peratus) dan Melaka (4.4 peratus).

"Bagi perbandingan dengan negara terpilih lain, inflasi di Malaysia lebih rendah berbanding Zon Euro (5.3 peratus), Filipina (4.7 peratus), Singapura (4.1 peratus), Amerika Syarikat (3.2 peratus), Indonesia (3.1 peratus), Korea Selatan (2.3 peratus) dan Vietnam (2.1 peratus).

"Namun inflasi kita lebih tinggi berbanding Thailand (0.4 peratus) dan China (-0.3 peratus)," katanya.